



# JABATAN PENGAJIAN TINGGI

## BAHAGIAN GOVERNAN IPTS

ARAS BAWAH BLOK 1, MENARA PJH, PRESINT 2,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 62505 PUTRAJAYA  
Tel : (603) 8884 5000/4623 Faks : (603) 8884 4650 Web : <http://www.mohe.gov.my>



Rujukan Kami : JPT/GS1000-606 (16)

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

### PEKELILING SEKTOR PENGURUSAN IPTS, JABATAN PENGAJIAN TINGGI, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA BIL. 4/2010

#### MENGETEPIKAN SEPENUHNYA FI PERMOHONAN UNTUK MENGENDALIKAN KURSUS PENGAJIAN DAN KURSUS PENGAJIAN TAMBAHAN, DAN MENGURANGKAN SEBAHAGIAN FI PERMOHONAN KELULUSAN DAN MEMBAHARUI KELULUSAN MENGENDALIKAN KURSUS PENGAJIAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)

#### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berhubung pelaksanaan mengetepikan sepenuhnya fi permohonan untuk mengendalikan kursus pengajian dan kursus pengajian tambahan, dan mengurangkan sebahagian fi permohonan kelulusan dan membaharui kelulusan mengendalikan kursus pengajian di IPTS.

#### LATAR BELAKANG

2. Peraturan-Peraturan Agensi Kelayakan Malaysia (Borang Ditetapkan) 2010 telah diwartakan pada 28 Januari 2010. Berikutan itu, pekeling MQA Bil. 1/2010 – Borang Permohonan dan Fi Perkhidmatan Agensi Kelayakan Malaysia bertarikh 16 Mac 2010 menetapkan kadar fi baru bagi proses penilaian akreditasi sementara dan akreditasi yang dijalankan kepada pemberi pendidikan tinggi yang telah berkuatkuasa pada 1 April, 2010.

3. Sehubungan itu, Kementerian Pengajian Tinggi telah memutuskan untuk meminda kadar fi yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pengendalian Kursus Pengajian) 1997 kepada kadar fi baru seperti berikut :



CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERT. NO.: AR 5006

- (i) Permohonan untuk mengendalikan kursus pengajian dan kursus pengajian tambahan—

	<u>Lama</u> (RM)	<u>Baru</u> (RM)
(a) peringkat sijil	1,500.00	Dikecualikan
(b) peringkat diploma	2,000.00	Dikecualikan
(c) peringkat ijazah	3,400.00	Dikecualikan

- (ii) Permohonan bagi kelulusan dan membaharui kelulusan—

	<u>Lama</u> (RM)	<u>Baru</u> (RM)
(a) peringkat sijil	5,000.00	1,000.00
(b) peringkat diploma	5,000.00	1,500.00
(c) peringkat ijazah (kecuali perubatan, farmasi dan pergigian)	7,500.00	2,000.00
(d) peringkat ijazah (perubatan, farmasi dan pergigian)	15,000.00	2,500.00

## **PERLAKSANAAN**

4. Pekeliling Mengetepikan Sepenuhnya Fi Permohonan Untuk Mengendalikan Kursus Pengajian dan Kursus Pengajian Tambahan, dan Mengurangkan Sebahagian Fi Permohonan Kelulusan dan Membaharui Kelulusan Mengendalikan Kursus Pengajian di IPTS ini terpakai ke atas semua IPTS yang berdaftar di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*]. Walau bagaimanapun, selari dengan pekeliling MQA Bil. 1/2010— Borang Permohonan dan Fi Perkhidmatan Agensi Kelayakan Malaysia bertarikh 16 Mac 2010, program-program IPTS yang sedang melalui proses penilaian MQA (kelulusan, akreditasi provisional (lama) dan akreditasi), adalah tertakluk kepada kadar fi lama sehingga penilaian akreditasi program tersebut selesai.

## **TARIKH BERKUAT KUASA**

5. Pekeliling Mengetepikan Sepenuhnya Fi Permohonan Untuk Mengendalikan Kursus Pengajian dan Kursus Pengajian Tambahan, dan Mengurangkan Sebahagian Fi Permohonan Kelulusan dan Membaharui Kelulusan Mengendalikan Kursus Pengajian di IPTS ini berkuatkuasa mulai 1 April 2010.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' IR. DR. RADIN UMAR BIN RADIN SOHADI)**  
Ketua Pendaftar  
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Tarikh : 21 Oktober 2010

s.k

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi

Timbalan Ketua Pendaftar  
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta  
Kementerian Pengajian Tinggi

Ketua Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Semua Pengarah Bahagian  
Jabatan Pengajian Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
*Chief Executive Officer*  
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA  
*Malaysian Qualifications Agency*  
LINGKAI 118, MENARA PRNS PJ  
NO. 17, JALAN YONG, PHOENIX LN,  
46050 PETALING JAYA  
SELANGOR DARUL BEHEN, MALAYSIA

Tel No: 603-7968 7002  
603-7968 7011  
Fax No: 603-7956 9496  
603-7954 9215  
Website: www.mqa.gov.my

Ruj kami: MQA 07/Jld 3 (23)  
Tarikh: 16 Mac 2010

### SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

### PEKELILING MQA BIL 1/2010 – BORANG PERMOHONAN DAN FI PERKHIDMATAN AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas

2 Sukacita dimaklumkan Peraturan-Peraturan Agensi Kelayakan Malaysia (Borang Ditetapkan) 2010 telah diwartakan pada 28 Januari 2010. Borang permohonan yang disenaraikan dalam peraturan tersebut adalah seperti berikut.

Borang A	Permohonan bagi Perakuan Akreditasi Sementara Program atau Kelayakan
Borang B	Permohonan bagi Perakuan Akreditasi Program atau Kelayakan
Borang C	Permohonan bagi Perakuan Status Swaakreditasi
Borang D	Permohonan bagi Pendaftaran Program atau Kelayakan dalam Daftar Kelayakan Malaysia (Program atau Kelayakan Pemberi Pendidikan Tinggi Swaakreditasi)
Borang E	Permohonan bagi Pendaftaran Program atau Kelayakan dalam Daftar Kelayakan Malaysia (Program atau Kelayakan Latihan Kemahiran yang Diakredit oleh Badan Pengawal Selia yang Mengawal Selia Pembangunan Kemahiran)
Borang F	Permohonan bagi Pendaftaran Program atau Kelayakan dalam Daftar Kelayakan Malaysia (Program atau Kelayakan di Kampus Cawangan)
Borang G	Permohonan bagi Perakuan Akreditasi Kriteria dan Prosedur Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu
Borang H	Permohonan bagi Perakuan Akreditasi Kriteria dan Prosedur Pemindahan Kredit antara Program atau Kelayakan yang Diakredit

(Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung.)



Borang I	Permohonan untuk Penilaian Kesetaraan Program atau Kelayakan
Borang J	Permohonan bagi Penggantian Perakuan

3 Pemakaian borang A, B dan J akan mula berkuat kuasa pada **1 April 2010**. Manakala pemakaian Borang C, D, E, F, G, H dan I, akan dimaklumkan kemudian

4 Borang A, B dan J ini boleh dimuat turun dari laman web MQA di [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my) atau boleh didapati di pejabat MQA

5 MQA juga telah menetapkan kadar fi baru bagi proses penilaian akreditasi sementara dan akreditasi yang dijalankan kepada pemberi pendidikan tinggi seperti di **lampiran**.

6 Fi baru ini akan berkuatkuasa seperti ketetapan berikut:

- i Program-program Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang sedang melalui proses penilaian MQA (kelulusan, akreditasi provisional (lama) dan akreditasi), adalah tertakluk kepada kadar fi lama sehingga penilaian akreditasi program tersebut selesai. Penilaian-penilaian lain selepas itu (selepas akreditasi) seperti penilaian semula program dan permohonan semula penilaian akreditasi (bagi yang gagal mendapatkan perakuan akreditasi) adalah tertakluk kepada kadar fi baru.
- ii Program Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang baru memohon akreditasi sementara (baru)\* pada dan selepas 1 April 2010 adalah tertakluk kepada kadar fi baru.

7 MQA juga mengambil kesempatan ini untuk menegaskan bahawa **semua** permohonan **akreditasi sementara** hendaklah dikemukakan bersama dokumen **MQA-01** dan permohonan **akreditasi** hendaklah menggunakan dokumen **MQA-02** sepertimana yang diperuntukkan dalam borang yang disenaraikan dalam Jadual Peraturan-Peraturan Agensi Kelayakan Malaysia (Borang Ditetapkan) 2010. Di samping itu, MQA juga ingin menegaskan bahawa semua program yang ditawarkan perlu mematuhi keputuan Kerangka Kelayakan Malaysia mulai 1 Januari 2011


8 Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Unit Pendaftaran (En Makhzan Yaacob) di talian 03-7968 7071 atau Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa (En Abdul Saman Taip / Cik Noor Farahstin Hassan) di talian 03-7968 4057

Sekian, terima kasih

\* Program yang memohon penilaian akreditasi sementara (baru) adalah program yang belum melalui sebarang penilaian MOA termasuk penilaian kelulusan

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang iktias,



**(DATU DR SYED AHMAD HUSSEIN)**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia

No Tel        03-79687044  
No Faks      03-79569496  
E-mel         [syedahmad@mqa.gov.my](mailto:syedahmad@mqa.gov.my)

s k

- 1    Menteri Pengajian Tinggi  
     Pejabat Menteri  
     Kementerian Pengajian Tinggi  
     Aras 7 Blok E3, Kompleks E  
     Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
     62505 PUTRAJAYA
  
- 2    Ketua Setiausaha  
     Pejabat Ketua setiausaha  
     Kementerian Pengajian Tinggi  
     Aras 6, Blok E3, Kompleks E  
     Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
     62505 PUTRAJAYA

- 3 Ketua Pengarah  
Jabatan Pengajian Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 3, Blok E9, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62505 **PUTRAJAYA**
  
- 4 Ketua Pengarah  
Jabatan Pengajian Politeknik  
Aras 12, Heritage Office Tower  
Jalan SB Dagang  
43300 Sri Kembangan  
**SELANGOR**
  
- 5 Ketua Pengarah  
Jabatan Pengajian Kolej Komuniti  
Aras 8, Heritage Office Tower  
Jalan SB Dagang  
43300 Sri Kembangan  
**SELANGOR**

## FI AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA 2010

(1) No.	(2) Perkara	(3) Permohonan	(4) Pengeluaran Perakuan	(5) Penggantian Perakuan	(6) Pemantauan Program atau Kelayakan	(7) Penilaian Semula Program atau Kelayakan  (setiap penilaian semula)
1.	Akreditasi sementara bagi setiap program atau kelayakan:					
	(a) Sijil	RM 3,500.00	RM 100.00	RM 100.00	RM 1,500.00	-
	(b) Diploma dan Diploma Lanjutan	RM 4,000.00	RM 100.00	RM 100.00	RM 2,000.00	-
	(c) Sijil Siswazah, Diploma Siswazah, Sijil Pascasiswazah dan Diploma Pascasiswazah	RM 5,500.00	RM 100.00	RM 100.00	RM 2,500.00	-
	(d) Sarjana Muda, Sarjana dan Ijazah Kedoktoran	RM 7,500.00	RM 100.00	RM 100.00	RM 5,000.00	-
2.	Akreditasi bagi setiap program atau kelayakan					
	(a) Sijil	RM 6,500.00	RM 100.00	RM 100.00		RM 3,250.00
	(b) Diploma dan Diploma Lanjutan	RM 7,000.00	RM 100.00	RM 100.00		RM 3,500.00
	(c) Sijil Siswazah, Sijil Pascasiswazah, Diploma Siswazah dan Diploma Pascasiswazah	RM 8,500.00	RM 100.00	RM 100.00		RM 4,250.00
	(d) Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran bagi:					
	(i) program perubatan,	RM 25,000.00	RM 100.00	RM 100.00	-	RM 5,250.00
	(ii) program farmasi, pergigian dan optometri; dan	RM 18,000.00	RM 100.00	RM 100.00	-	RM 5,250.00
	(iii) program lain	RM 10,000.00	RM 100.00	RM 100.00	-	RM 5,250.00